

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT  
(SPEAKER, HOUSE OF REPRESENTATIVES)



PARLIMEN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

YPDR. 09/4/5/1 ( 7 )  
23hb. September 2019

## KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan **Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan**, saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengemukakan suatu pemberitahuan bertarikh 23 September 2019 kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa **Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik, Ahli Parlimen Tanjung Piai, Johor** telah meninggal dunia pada hari **Sabtu, 21 September 2019**.

Oleh yang demikian, selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan**, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah **mengisi kekosongan luar jangka Kerusi Parlimen Kawasan P.165 Tanjung Piai, Johor** dalam tempoh 60 hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ariff Bin Md Yusof'.

**TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF**